

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberi maklumat penting tentang insurans hayat anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; anda juga harus membacanya.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



AIA Bhd.

200701032867 (790895-D)

Tarikh: 30/12/2025

1 Apakah A-Mortgage Protector?

A-Mortgage Protector adalah insurans bertempoh tanpa penyertaan yang menyediakan perlindungan kewangan bagi penghutang-penghutang Pemberi Pinjaman daripada kematian dan hilang upaya kekal menyeluruh. Bayaran manfaat ini akan dibuat kepada pihak Pemberi Pinjaman bagi memberikan bantuan kewangan untuk pinjaman anda. Sekiranya jumlah baki pinjaman sebenar adalah kurang daripada jumlah yang diinsuranskan, baki tersebut akan dibayar kepada anda atau penama, mengikut mana yang berkenaan.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM 1,815.00	Premium Tunggal, anda akan menerima perlindungan / manfaat insurans seperti berikut:
Manfaat Kematian atau Manfaat Hilang Upaya Kekal Menyeluruh (HUKM)	Jumlah asal yang diinsuranskan bagi pelan ini ialah RM 500,000. Amaun ini akan menyusut setiap tahun menurut Jadual Jumlah Yang Diinsuranskan yang ditunjukkan dalam sijil insurans. Ia akan dibayar atas • Kematian¹; - ATAU • HUKM sebelum hari jadi ke-enam puluh lima (65) tahun penghutang diinsuranskan, yang mana berlaku terdahulu. Tempoh perlindungan : 5 tahun ¹ Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kemalangan, penambahan sebanyak sepuluh (10) peratus daripada amaun insurans mengikut Jadual Jumlah Diinsuranskan akan dibayar.

A-Mortgage Protector **tidak termasuk**:

- **Bunuh Diri** - Jika kematian akibat bunuh diri dalam tempoh 6 bulan dari tarikh berkuatkuasa insurans, kami akan memulangkan premium tanpa faedah. Selepas itu, polisi ini akan ditamatkan
- **Keadaan Sedia Wujud** pada tarikh berkuatkuasa penghutang diinsuranskan di bawah sijil insurans.

Nota: Senarai yang dinyatakan ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada sijil insurans untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300 88 1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:
<https://www.aia.com.my/bm/help-support/contact-us.html>



E-mel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	RM 1,815.00 Premium Tunggal
	Jumlah premium yang perlu anda bayar dan terma-terma polisi mungkin berubah bergantung kepada keperluan penajajaminan AIA Bhd.
	Sila ambil perhatian bahawa premium adalah dijamin.
Tempoh: Premium Tunggal	
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Komisen	10 % daripada jumlah premium yang perlu dibayar atau RM 181.50

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur yang betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda dibatalkan.
- Pemberi Pinjaman - Bank, institusi kewangan, koperasi atau syarikat yang telah memberi pinjaman atau kemudahan kredit kepada anda.
- Penamaan - Anda digalakkan untuk melantik seorang penama / penama-penama bagi permohonan insurans anda untuk memastikan penyelesaian tuntutan yang lancar. Sila pastikan bahawa penama / penama-penama anda dimaklumkan tentang polisi yang telah anda beli.
- Tuntutan – Sila rujuk kepada laman web AIA Bhd. untuk memahami prosedur tuntutan dengan lebih lanjut.
- Pertukaran pelan – Ia mungkin tidak akan menguntungkan untuk bertukar dari satu pelan insurans ke pelan yang lain kerana anda mungkin akan tertakluk kepada syarat-syarat penajajaminan yang baru dan tempoh menunggu bagi polisi baru.
- Jika premium anda adalah dibayar sendiri, sila simpan salinan rekod transaksi sebagai bukti pembayaran premium.
- Sila rujuk sijil insurans untuk maklumat mengenai manfaat produk.
- Sekiranya anda tidak menerima sijil insurans anda dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam Piagam Pelanggan di laman web AIA, sila hubungi AIA Bhd. untuk mendapatkan bantuan.
- Adalah penting untuk anda maklumkan kepada AIA Bhd. sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Terma "sijil insurans" dan "polisi" boleh digunakan secara bergantian dalam Lembaran Pendedahan Produk dan Ilustrasi Jualan. Walau bagaimanapun, kedua-duanya merujuk kepada sijil insurans yang akan anda terima setelah permohonan anda diluluskan.
- **PEMBELIAN POLISI INSURANS HAYAT ADALAH TANGGUNGJAWAB KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING BERSESUAIAN DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA JUGA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN PEGAWAI BANK ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.**

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada sijil insurans untuk terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan polisi dengan memberikan AIA Bhd. notis bertulis. Notis tersebut mesti diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh lima belas (15) hari selepas e-sijil insurans anda tersedia di portal pelanggan AIA. Premium yang telah anda bayar, ditolak dengan perbelanjaan perubatan (jika ada) akan dipulangkan. Sekiranya dalam permohonan anda, anda telah memilih untuk menerima salinan fizikal sijil insurans anda, pemberitahuan itu mesti diberikan dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima sijil insurans anda.
- **Setelah Tempoh Percubaan:** Setelah Tempoh Percubaan, anda boleh menyerahkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk maklumat lebih lanjut mengenai nilai serahan. Sila pertimbangkan dengan teliti kerana anda mungkin mengalami kerugian jika anda menyerahkan polisi. Polisi itu akan ditamatkan.

LAMPIRAN

Pengecualian Utama bagi A-Mortgage Protector

1. Polisi ini tidak akan melindungi sebarang kematian disebabkan atau diakibatkan oleh:

- Membunuh diri dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh berkuatkuasa insurans, sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman.

2. Polisi ini tidak akan membayar tambahan sepuluh (10) peratus daripada jumlah insurans menurut Jadual Jumlah Diinsuranskan jika berlakunya kematian akibat kemalangan disebabkan atau diakibatkan oleh:

- Percubaan membunuh diri, sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman atau sebarang percubaan mencederakan diri sendiri; atau
- Kecederaan yang disebabkan oleh pengaruh alkohol, sebarang dadah yang bukan dipreskripsikan, narkotik atau dadah larangan.

3. Polisi ini tidak akan melindungi sebarang hilang upaya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- Percubaan membunuh diri sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman dan sama ada mempunyai niat jenayah atau tidak, perbuatan mencederakan diri sendiri, perbuatan tidak senonoh atau sengaja mendedahkan diri dalam keadaan membahayakan; atau
- Kecederaan yang dialami semasa memburu, mendaki gunung, aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang komersil berbayar atau ahli krew), berkhidmat dalam tentera laut, darat atau aeronautikal, atau sebarang perlumbaan (selain lumbalari), atau
- Keadaan Sedia Wujud pada tarikh berkuatkuasa penghutang diinsuranskan di bawah sijil insurans.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada sijil insurans untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.